☑ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 5/4/2012
Hari: KHAMIS M/S: 15
Ruangan: TINTA IPT/UNIVERSITI

SISWA.COM

RUANGAN ini disediakan untuk mahasiswa meluahkan masalah, memberi pandangan, manakala pihak pengurusan universiti pula memberi penjelasan berhubungan masalah dan aduan. E-mel maklumat berkenaan ke *bhvarsiti@bharian.com.my*.

Mahasiswa perlu bangkit

BEBERAPA isu terbesar menyelubungi dada akhbar. Isu penyakit masyarakat yang kian menghakis nilai kemanusiaan. Justeru selaku pemegang amanah dana yang disumbangkan oleh ahli masyarakat, maka pentingnya mahasiswa bertindak membantu pihak kerajaan dalam menyelesaikan beberapa barah masyarakat yang andai tidak dibendung bakal mengheret kepada kematian nilai Timur dalam masyarakat.

Fakta lima daripada 10 lelaki adalah homoseksual sesuatu yang mengejutkan. Lebih menambahkan kerisauan ialah golongan lelaki ini terdiri daripada warga korporat, profesional dan kolar putih. Isu homoseksual bukanlah sesuatu isu yang baru kerana sudah wujud sejak zaman Nabi Lut.

Ditambah pula pelbagai kecaman dan amaran yang diberikan oleh Allah di dalam al-Quran untuk menyedarkan manusia. Dengan menjadikan surah al-Araf Ayat 80 dan 81 yang membawa maksud 'Dan Nabi Lut (kami utuskan), ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk ala mini sebelum kami?' 'Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dan meninggalkan perempuan bahkan kamu ialah kaum yang melampaui batas'.

Begitu pun, di mana silapnya sehinggakan fenomena itu melanda dunia kini umumnya dan negara kita khususnya? Ia sesuatu isu yang besar kerana ia berkait rapat dengan agenda menyelamatkan umat manusia supaya lari daripada fitrah manusia diciptakan. Fenomena homoseksual ini dikatakan berpunca daripada zaman persekolahan baik di sekolah harian biasa hinggalah ke sekolah berasrama penuh.

Timbulnya persoalan di sini adakah dasar pelajaran negara tidak komprehensif? Adakah tidak cukup suntikan, pendedahan, pemujukan nilai agama dan akhlak daripada buku teks? Adakah keupayaan pelajar kini hanya dikira berdasarkan peperiksaan yang menghasilkan pelajar yang menghafal, pakar mengingati, tetapi bukan menjiwai nilai ilmu.

Kesedaran mengenai penyakit ini adalah penting. Kesedaran itu hadir hasil daripada penerapan roh ilmu dalam diri pelajar, malah yang lebih mengejutkan fenomena homoseksual ini berlarutan ke peringkat universiti. Sekali lagi menunjukkan pengamal budaya songsang ini bukanlah seorang yang jahil, tetapi seorang yang bijak pandai dan seorang yang boleh dikatakan intelektual.

Barangkali masyarakat terlepas pandang, bahawa golongan lelaki yang homoseksual ini akhirnya menjadi penggerak kepada pembangunan masyarakat dan negara. Masyarakat juga mesti akur kegoyahan institusi kekeluargaan masyarakat yang memangkin penularan barah ini. Tiada mana-mana agama yang menghalalkan perkahwinan atau hubungan sejenis. Maka ia tiada bersangkut paut dengan slogan hak asasi yang dicanang oleh sesebuah pihak. Impaknya amat besar, implikasinya serius sehingga mampu membunuh institusi kekeluargaan dan mengundang kepada keruntuhan moral dan tamadun yang memusnahkan kekuatan moral masyarakat.

Tuntasnya, fenomena ini perlu dibendung dan ditentang. Ini bukan saja berkaitan dengan jenayah atau moral, tetapi ia berkaitan dengan kemaslahatan umat. Justeru persoalan di sini bagaimana mahasiswa sedia untuk berhadapan dengan ancaman dan peluang liberalisme untuk terus hidup seperti ikan di laut masin yang isinya tetap tawar? Mahasiswa perlu bangkit. Perlu bangkit dalam memperkukuhkan jati diri masyarakat. Persoalan jati diri bukanlah sesuatu yang sesuai untuk dijadikan bahan politik yang galak sejak akhir-akhir ini.

Kiblat mahasiswa seharusnya diletakkan bagaimana memperkukuhkan jati diri sejak daripada bangku sekolah hingga ke alam pekerjaan. Mahasiswa sememangnya alah dan alergi akan rasuah, isu salah guna kuasa, tetapi isu integriti dalam diri mahasiswa perlu dititikberatkan. Pengamal rasuah berpunca daripada runtuhnya nilai jati diri dan harus diingatkan masalah serta isu integriti juga virus kerana kurang vaksin jati diri.

Integriti minda serta mengamalkan kejujuran serta keikhlasan dalam berfikir ialah cara terbaik untuk melatih diri supaya terus mempunyai jati diri. Menanam benih jati diri bukanlah sesuatu yang boleh dilakukan dalam masa dua puluh empat jam, tetapi ia perlu dilakukan sejak daripada bertatih lagi.

Andai di peringkat pengajian mengamalkan ketidaktelusan baik dari segi penyelewengan kuasa serta manipulasi dokumentasi misalnya maka tidak hairanlah sesuatu hari nanti pemimpin yang dilantik akan meneruskan budaya penyelewengan. Akhirnya ia akan mengikis terus jati diri masyarakat.

Tuntasnya mahasiswa perlu bangkit dan sedar bahawa sesungguhnya merekalah pemimpin pada hari ini. Budaya cakap kosong bukan budaya mahasiswa Malaysia. Budaya meneliti isu daripada soal emosi bukanlah budaya mahasiswa Malaysia. Sebaliknya budaya mengkaji, membaca, menganalisis dan bersuara menggunakan saluran yang betul serta berhikmah dan berhemah ialah prasyarat menunjukkan mahasiswa itu matang dan bersedia untuk mengetuai masyarakat.

Andai mahasiswa beremosi, bermegah di dalam alam maya, berpencak tanpa ilmu pencak, berhujah tanpa ilmu, maka malanglah masyarakat melaburkan sejumlah wang keringat untuk melahirkan pemimpin mereka. Justeru, mahasiswa perlu bangkit!

Ku Amirul Faiz Ku Seman
Timbalan Yang DiPertua
Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Utara Malaysia